

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini pencapaian hartanah Bumiputera oleh Pelaburan Hartanah Berhad sejak ia ditubuhkan dalam tahun 2006 dengan modal RM2 bilion.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) pada tahun 2006, PHB telah melabur dalam pelbagai sektor hartanah dan lain-lain pelaburan dengan anggaran nilai pasaran terkini sebanyak RM6.5 bilion. Pelaburan hartanah meliputi bangunan-bangunan komersial siapsedia seperti bangunan pejabat, projek pembangunan dan tanah-tanah yang berpotensi untuk pembangunan. Manakala projek pembangunan yang telah pun disiapkan adalah seperti pembangunan kompleks membeli belah Nu Sentral dan bangunan pejabat Menara 1Sentrum, di KL Sentral, Kuala Lumpur dengan nilai pembangunan melebihi RM1 bilion.

Pada tahun 2010, PHB juga telah melancarkan dana Amanah Hartanah Bumiputera atau AHB dengan saiz dana awal sebanyak RM1 bilion. Saiz dana AHB kini telah meningkat kepada RM2 bilion dengan unit-unit habis dilanggan sepenuhnya oleh pelabur-pelabur bumiputera. Setakat ini, kadar pengagihan pendapatan AHB adalah kompetitif dengan kadar pengagihan 6.60 sen seunit telah diisytiharkan untuk tahun 2014. Jumlah pemegang-pemegang unit AHB kini berjumlah lebih 50,000 orang. PHB akan terus meningkatkan saiz dana AHB melalui pembelian dan pembangunan hartanah yang sedang dirancang. Dengan meningkatkan saiz dana AHB, lebih ramai pelabur-pelabur bumiputera (termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak) dijangka akan dapat turut serta dalam skim AHB ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN : 38

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) keluasan pembukaan tanah-tanah baru oleh FELDA yang dikendalikan oleh peneroka-peneroka baru selain daripada generasi kedua dalam masa 3 tahun terkini; dan
- (b) jumlah peneroka-peneroka baru yang terlibat.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pembukaan tanah-tanah baru oleh FELDA untuk peneroka-peneroka baru sejak tahun 1990. Kerajaan Pusat telah memutuskan mulai 1 Januari 1990 tiada lagi pengambilan peneroka baru di semua tanah rancangan FELDA seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
[KETEREH]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN : 39

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah penumpang yang dikendalikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu dan berapakah kadar pertumbuhannya. Apakah terminal sedia ada mampu menanggung pertumbuhan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penumpang yang dikendalikan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada tahun 2013 adalah sebanyak 1,585,238 penumpang.

Berdasarkan kepada rekod yang diperolehi daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), purata kadar pertumbuhan pergerakan trafik penumpang untuk tempoh 2009 sehingga 2013 adalah sebanyak 12.4%.

Dengan kadar pertumbuhan sedemikian, terminal sedia ada sememangnya tidak mampu untuk menampung kapasiti penumpang yang kian meningkat tersebut. Justeru Kementerian Pengangkutan bersama MAHB sedang merangka cadangan untuk menaiktaraf bangunan terminal tersebut di mana peruntukannya akan dimasukkan di dalam cadangan projek-projek di bawah Kementerian Pengangkutan di dalam RMKe-11 nanti.